

Warga Kampung Darat Terima Zakat Perniagaan
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 28 Ogos 2011 15:24

Kepada: UUM All Student; UUM - All Staff

28 OGOS 2011/28 RAMADAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli

Gambar oleh: Hairul Nizam Zahari

WARGA KAMPUNG DARAT TERIMA ZAKAT PERNIAGAAN

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak telah menyerahkan zakat perniagaan milik anak syarikat UUM, R&D SerindIT Com kepada ahli kariah Masjid Kampung Darat, Changloon, petang. Kelmarin.

Menurut Dr Mohamed Mustafa, UUM mempunyai tiga buah anak syarikat untuk menjana pendapatan bertujuan untuk menampung perbelanjaan universiti.

"Melalui keuntungan yang kita perolehi ini, kita membantu mahasiswa universiti dengan memberi mereka biasiswa, malah melalui pendapatan ini juga kita turut membantu pelajar Islam yang datang dari negara luar yang miskin.

"Lebih pendapatan yang kita perolehi jugalah kita membantu masyarakat setempat dengan memberi zakat pada mereka yang layak," katanya sewaktu berucap di Majlis Penyerahan Zakat R&D SerindIT Com.

Sementara itu, penduduk kampung, Ibrahim Ariffin ketika ditemui mengucapkan terima kasih kepada pengurusan UUM kerana prihatin kepada masyarakat sekitar universiti berkenaan.

"Kami ahli kariah Masjid Kampung Darat mengucapkan ribuan terima kasih kepada Naib Canselor UUM kerana sudi meluangkan masa bersama kami dan kami menghargai sumbangan UUM yang tidak lupa kepada masyarakat sekeliling," katanya.

Pada majlis berkenaan, penerima zakat menerima barangan keperluan harian seperti beras dan gula serta wang tunai.

=====

DARIPADA:

SEKSYEN MEDIA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078

FAKS: 04-928 3016

E-MEL: ukkuum@uum.edu.my